

# AZAB DAN NI'MAT KUBUR DALAM AL-QURAN & AL-HADITH

Oleh: Dr. Abdullah Yasin

## **MUKADDIMAH**

Persoalan Akidah merupakan perkara yang paling asas di dalam Islam. Kalau Islam diibaratkan bagaikan bangunan maka kedudukan akidah adalah bagaikan asas/tapak binaan tersebut. Jika akidah seseorang rosak maka akan musnah semua amalan yang dibina di atasnya. Atas dasar itulah Rasulullah s.a.w. memulai dakwahnya dengan akidah sebelum mengajar syare'at.

Walaupun Islam menganjurkan penggunaan akal fikiran namun dalam pembahasan akidah peranan akal wajib dibatasi. Apalagi persoalan akidah banyak berkaitan dengan perkara perkara ghaib yang tidak mampu dicapai oleh akal manusia yang sangat terbatas.

## **AHLUS SUNNAH WAL JAMA'AH**

Rasulullah s.a.w. mengakui bahawa umatnya kelak akan berpuak-puak menjadi 73 puak dan puak yang akan selamat dari azab neraka hanya satu puak, iaitu puak Ahlus Sunnah Wal Jama'ah (ASWJ). Ketika baginda s.a.w. ditanya tentang siapakah golongan ASWJ tersebut maka baginda hanya menjawab: "Mereka yang mengikuti aku dan sahabat-sahabatku". (HR. Tarmidzi) Dan di dalam wasiat baginda s.a.w. sebelum wafatnya: "Siapa di antara kau yang panjang usianya kelak akan menemui banyak percanggahan pendapat. Oleh itu, berpeganglah kamu dengan sunnahku dan sunnah khalifah-khalifah al-rasyidin sesudahku, peganglah sunnah itu dengan kuat (Hadis sahih Riwayat Abu Daud dan Tarmidzi)

Baginda juga pernah memuji pegangan Salaf Soleh iaitu mereka yang hidup dalam lingkungan tiga kurun pertama ke-Islaman. Hal ini diisyaratkan oleh baginda di dalam sabdanya: "Sebaik-baik manusia adalah manusia hidup dalam kurunku, kemudian mereka yang mengiringimya, kemudian mereka yang mengiringinya". (HR Bukhari dan Muslim).

## **CIRI-CIRI AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH**

Adapun ciri-ciri khas akidah puak ASWJ ialah di antaranya:

- o Menyandarkan keyakinan mereka berdasarkan keterangan dari Al-Quran dan Al-Hadis yang sahih serta akal yang sejahtera.
- o Mendahulukan keterangan Al-Quran dan Al-Hadis jika dianggap bercanggah dengan akal fikiran, bukan sebaliknya.
- o Mengutamakan pegangan akidah Salaf Soleh kerana merekalah yang pernah mendapat pujian Rasul s.a.w.

## **ALAM BARZAKH**

Sebenarnya istilah "alam kuburan" hanyalah berdasarkan kebiasaan (ghalib) kerana setiap manusia yang wafat biasanya dikuburkan. Malahan menguburkan jenazah menjadi salah satu kewajipan (fardhu kifayah) ke atas orang yang masih hidup. Ini tidak bermakna bagi setiap insan mesti ada kuburannya jika mereka mati sebab terkadang-kadang atas sebab-sebab tertentu terdapat manusia yang tidak diketahui kuburannya, mungkin kerana ditelan binatang buas, terbakar hangus, berkecai jasadnya kerana kemalangan dan lain-lain.

Namun menurut keyakinan ASWJ setiap manusia tetap berada di dalam alam barzakh, iaitu alam di antara alam pilihan (dunia) dengan alam akhirat. Ini

berdasarkan firman Allah dalam surah Al-Mukminun yang bermaksud: "Demikianlah keadaan orang-orang kafir itu), hingga apabila datang kematian kepada seseorang dari mereka, dia berkata: "Ya Tuhanku kembalikanlah aku (ke dunia) (99) agar aku berbuat amal yang soleh terhadap apa yang aku tinggalkan. Sekali-kali tidak. Sesungguhnya itu adalah perkataan yang diucapkannya saja. Dan di hadapan mereka ada barzakh (dinding) sampai hari mereka dibangkitkan". (100)

Menurut kamus oleh Abu Bakr Al-Razi makna barzakh ialah dinding pembatas antara dua benda. Dan dia juga membawa makna apa yang terdapat di antara alam dunia dan alam akhirat sejak dari waktu kematian seseorang sehingga dia dibangkitkan. Jadi siapa yang mati maka itu bermakna dia telah masuk ke dalam alam barzakh tanpa mengambil kira bagaimana cara kematiannya.

#### MANUSIA DI ALAM BARZAKH

Manusia terdiri daripada jasad dan roh walaupun hubungan antara keduanya sangat relatif (nisbi). Terdapat lima bentuk hubungan antara roh dan jasad, iaitu:

1. Hubungan antara roh dan jasad di dalam rahim ibu (janin)
2. Hubungan keduanya di muka bumi setelah dilahirkan
3. Hubungan antara keduanya ketika tidur
4. Hubungan antara keduanya ketika di alam barzakh
5. Hubungan antara keduanya ketika dibangkitkan dari kubur

Walaupun roh berpisah setelah kematian namun perpisahan antara keduanya bukanlah perpisahan yang mutlak (firaq kulliy). Sungguh banyak dalil yang menjelaskan bahawa roh dikembalikan kepada jasad di dalam kubur ketika disoal oleh malaikat munkar wa nakir dan ketika menjawab salam orang yang menziarahi kuburan. Pengembalian roh ini adalah pengembalian khas dan tidak semestinya pengembalian yang dapat menghidupkan jasad sebelum kebangkitan.

Sehubungan dengan hakikat itu Allah S.W.T. telah menjadikan untuk manusia tiga peringkat kehidupan, iaitu:

1. Kehidupan Dunia
2. Kehidupan Barzakh
3. 3. Kehidupan Qarar

Allah S.W.T. telah menjadikan pada tiap-tiap kehidupan itu dengan hukum-hakamnya yang tersendiri secara khusus berbeza dengan kehidupan yang lain. Manusia dijadikannya memiliki badan dan roh. Allah S.W.T. menetapkan hukum-hakam di dunia ke atas badan kasar manusia, sedangkan roh hanya mengikutinya. Oleh sebab itu Allah menjadikan hukum-hakam syare'at berasaskan ucapan lisan dan amalan anggota walaupun jiwa atau rohaninya bercanggah dengan apa yang diucapkan atau apa yang diamalkannya.

Adapun hukum-hakam Barzakh pula adalah ditetapkan oleh Allah berasaskan roh sedangkan jasad kasarnya hanya mengikutinya. Ini berbeza dengan kehidupan di dunia yang diasaskan kepada badan sedangkan roh hanya mengikutinya. Oleh itu, di alam barzakh badan akan turut merasakan kepedihan azab jika rohnyanya disiksa sebagaimana badan akan turut merasakan nikmat dan keselesaan jika roh mendapat nikmat dan kesenangan kerana jasadlah yang menjadi penyebab untuk mendapat nikmat atau sebaliknya siksaan.

Adapun pada Hari Kiamat ketika jasad dibangkitkan dari kubur masing-masing untuk menghadap Allah, Tuhan sekalian alam maka berhimpunlah jasmani dan rohani insan secara hakiki untuk menerima nikmat ataupun siksaan. Di alam akhirat inilah pertautan jasad dan roh yang paling sempurna melebihi

pertautannya di alam yang lain kerana pertautan kali ini tidak akan dicemari oleh kematian atau tidur atau kerusakan.

### **AZAB DAN NIKMAT KUBUR BUKAN SUATU YANG MUSTAHIL**

Sungguh banyak perkara yang tidak dapat disaksikan oleh mata kasar di dalam alam dunia ini tetapi kita yakini akan wujudnya. Dan bukan saja tentang kewujudannya malahan apa yang dirasakan oleh rohani juga dapat dirasakan oleh jasmani. Di antara contoh perkara tersebut ialah: Beberapa orang yang tidur nyenyak di atas satu hamparan. Di antara mereka ada yang bermimpi indah. Ketika bangun jasadnya turut merasakan nikmat yang dirasakan oleh rohnya ketika dalam mimpi. Demikian sebaliknya, orang yang bermimpi buruk dan mengerikan. Bukan saja rohnya tersiksa tetapi badan juga terasa tersiksa. Mereka yang tidur berhampiran masing-masing tidak mengetahui apa yang dirasakan oleh rakannya. Jika perkara seperti ini tidak dapat kita ingkari hakikat kewujudannya maka demikianlah dengan alam barzakh, malahan kejadian di alam barzakh akan lebih hebat lagi.

Malaikat Jibril 'Alaihissalam yang turun membawa wahyu kepada Rasulullah s.a.w. dalam bentuk seorang lelaki. Baginda s.a.w. dapat melihatnya dan mendengar ucapannya sedangkan para sahabat yang berada disekeliling baginda s.a.w. tidak dapat melihat dan mendengarnya. Para Jin bercakap dengan sesama mereka dengan suara yang lantang. Mereka berada ditengah-tengah umat manusia tetapi kita tidak mendengar pertuturan mereka.

### **JAHIL, SESAT, DUSTA**

Berdasarkan beberapa contoh di atas nyatalah bahawa azab dan nikmat kubur bukanlah suatu yang mustahil terjadi. Bagi mereka yang mempunyai keimanan yang mantap, ilmu pengetahuan agama yang mencukupi, yakin akan kodrat atau kuasa Allah yang tiada tandingannya pasti akan yakin akan adanya siksaan dan nikmat kuburan. Hanya orang jahil dan sesat serta suka mendustakan ucapan Rasulullah s.a.w. dan meragukan kodrat Allah sajalah yang akan mengingkari adanya azab dan nikmat kubur.

### **MAZHAB MU'TAZILAH**

Di antara umat Islam ada yang menganut fahaman Mu'tazilah. Di antara fahaman Mu'tazilah yang sangat bercanggah dengan fahaman Ahlus Sunnah Wal Jama'ah ialah Mu'tazilah tidak percaya akan adanya azab dan nikmat kubur. Mereka beranggapan kononnya azab dan nikmat kubur itu tidak rasional dan bercanggah dengan akal yang waras.

Mereka mendakwa antaranya: Bagaimana manusia akan disiksa dan mendapat nikmat di dalam kubur padahal ada manusia yang tidak dikesan kuburannya? Bagaimana dengan mereka yang hancur tubuhnya kerana ledakan dan letupan bom, yang dimakan oleh binatang buas, hangus terbakar menjadi abu? Semua pertanyaan ini hanya muncul dari orang yang jahil tentang makna alam kubur atau alam barzakh sebagaimana yang dipaparkan di atas. Pengarang kitab, Dr. Soleh Fauzan Al-Fauzan berkata: "Golongan Salaf Soleh dan para imamnya berpendapat bahawa seseorang bila wafat akan merasakan nikmat atau azab. Yang demikian itu akan dialami oleh rohnya dan badannya bersama-sama. Sesungguhnya roh akan kekal untuk merasakan nikmat atau azab walaupun setelah berpisah dengan badan kerana roh kadangkala berhubungan dengan badan agar bersama-sama merasakan nikmat atau siksaan".

## **DALIL-DALIL ADANYA AZAB DAN NIKMAT DALAM KUBUR**

Dalil-dalil dari Al-Quran:

"Alangkah dahsyatnya sekiranya kamu melihat di waktu orang-orang yang zalim (berada) di dalam tekanan-tekanan sakratulmaut, sedang para malaikat memukul dengan tangannya (sambil berkata): "Keluarkanlah nyawamu". Di hari ini kamu dibalas dengan siksaan yang sangat menghinakan, kerana kamu selalu mengatakan terhadap Allah (perkataan) yang tidak benar dan (kerana) kamu selalu menyombongkan diri terhadap ayat-ayat-Nya". (Al-An'aam: 93)

Ungkapan "Di hari ini kamu dibalas dengan siksaan yang sangat menghinakan" mengandung makna azab ketika akan mati atau azab di dalam kubur sebab jika yang dimaksudkan azab di sini setelah hancurnya dunia (kiamat) maka tidak tepat istilah "Di hari ini kamu dibalas" digunakan di sini.

"Maka Allah memeliharanya dari kejahatan tipu daya mereka, dan Fir'aun beserta kaumnya dikepung oleh azab yang amat buruk. Kepada mereka dinampakkan neraka pada pagi dan petang, dan pada hari terjadinya Kiamat. (Dikatakan kepada malaikat): "Masukkanlah Fir'aun dan kaumnya ke dalam azab yang amat keras". (Al-Mukmin: 45-46)

Allah S.W.T. memperlihatkan azab kepada Firaun dan pengikutnya pagi dan petang kemudian akan menyiksa mereka dengan azab yang keras setelah kiamat. Ini bermakna azab sebelum kiamat itu adalah azab kubur, bukan azab di akhirat (neraka) dan bukan pula di dunia kerana beberapa sebab: Azab tersebut sebelum kiamat. Di alam akhirat tidak ada pagi dan petang. Azab tidak diperlihatkan ('aradh) kepada Fir'aun di dunia.

Ayat ini untuk umum, tidak hanya khusus untuk Fir'aun dan pengikutnya saja. (Kaedah Ilmu Tafsir). "Disebabkan kesalahan-kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan lalu dimasukkan ke neraka, maka mereka tidak mendapat penolong-penolong bagi mereka selain dari Allah". (Nuh: 25 )

Ayat ini menyatakan azab yang ditimpakan ke atas orang-orang dari umat Nabi Nuh a.s. Setelah mereka ditenggelamkan kerana kesalahan-kesalahan mereka lalu Allah sambung dengan "lalu mereka dimasukkan ke neraka". Maksud: mereka dimasukkan ke neraka di sini adalah azab kubur, bukan azab neraka setelah kiamat sebab kata sambung ('ataf) yang digunakan di sini adalah huruf. Menurut kaedah bahasa Arab, kegunaan kata sambung mengandung makna tertib yang dekat bukan berselang lama. Atas dasar ketentuan itu maka maksud ayat: Umat Nuh yang durhaka itu dimasukkan ke dalam neraka langsung setelah mereka ditenggelamkan tanpa menunggu lama.

Demikianlah menurut zahir ayat, bukan azab masuk api neraka setelah kiamat terjadi kerana azab tersebut masih lama setelah kejadian taufan Nabi Nuh a.s. "Bermegah-megahan telah melalaikan kamu, sampai kamu masuk ke alam kubur (Al-Takaathur: 1-2). Saidatina Aisyah r.a dan Saidina 'Ali r.a berkata: "Kami masih meragukan akan adanya azab kubur sehingga turunlah ayat ini". (HR Imam Tarmidzi). "Dan barangsiapa berpaling dari peringatan-Ku, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit dan Kami akan menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta". (Tahaa: 124)

Imam Ibn Kathir ketika menafsirkan ayat di atas berkata: Dari Abi Hurairah dari Nabi s.a.w. "maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit" maksudnya adalah azab kubur. (Sanad hadis ini jayyid yakni baik)

Dalil-dalil dari Al-Hadith. Jika direnung dengan cermat hadis-hadis yang berkaitan dengan azab dan nikmat kubur nescaya kita akan dapati bahawa hadis-hadis tersebut adalah sebagai perincian dan tafsiran terhadap ayat-ayat Al-Quran yang

berhubungan dengannya. Adapun hadis-hadis tersebut, antaranya: "Daripada Ibn Abbas r.a.: " Sesungguhnya Nabi s.a.w. melalui dua kuburan, lalu baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya kedua dua penghuni kuburan ini sedang disiksa dan mereka tidaklah disiksa kerana dosa besar, adapun yang seorang disiksa kerana tidak istinja setelah kencing, sedangkan yang satu lagi kerana suka mengadudomba. Kemudian baginda s.a.w. meminta sati pelepah korma lalu dibelahnya menjadi dua, lalu bersanda: Semoga pelepah korma ini akan dapat meringankan siksaan mereka berdua selama ia belum kering". (HR > Bukhari dan Muslim)

Daripada Zaid Bin Thabit r.a berkata: Ketika Rasulullah s.a.w. berada di kawasan Bani Najjar sambil menonggang baghlnya dan kami bersamanya, tiba-tiba baghlnya terkejut dan hampir saja baginda terjatuh. Kiranya di kawasan itu terdapat enam atau lima atau empat kuburan, lalu baginda s.a.w. bertanya: "Siapakah di antara kamu yang mengetahui penghuni-penghuni kuburan ini? Seorang lelaki menjawab: Saya. Baginda s.a.w. bertanya lagi: Bilakah mereka mati? Lelaki tersebut menjawab: Mereka mati dalam syirik. Lalu baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya umat ini (penghuni-penghuni kuburan ini) sedang disiksa di dalam kuburan mereka. Andaikata mereka tidak dikuburkan nescaya ku memohon kepada Allah agar Dia memperdengarkan kepada kamu siksaan kubur sebagaimana yang aku mendengarnya. (HR Muslim)

Daripada Abi Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Jika salah seorang dari kamu selesai membaca tasyahhud akhir (dalam solatnya) maka hendaklah ia memohon kepada Allah daripada empat perkara: Daripada azab Jahannam, dan daripada azab kubur, dan daripada fitnah hidup dan mati, dan daripada fitnah Dajjal". (HR Muslim dan Semua Sunan)

Daripada 'Aisyah r.a. katanya: Seorang wanita tua daripada kalangan orang-tua orang-tua Yahudi Madinah telah masuk menemuiku, lalu dia berkata: "Sesungguhnya penghuni-penghuni kubur disiksa di dalam kuburan mereka. 'Aisyah r.a. berkata: Aku merasa ragu untuk membenarkan (ucapannya) itu. Lalu dia (wanita-tua itu) keluar. Dan ketika itu Rasulullah s.a.w. masuk menemuiku, maka akupun bertanya: Ya Rasulullah! Sesungguhnya seorang wanita-tua daripada kalangan wanita-tua wanita-tua Yahudi Madinah masuk menemuiku dan dia mendakwa bahawa penghuni-penghuni kubur disiksa di dalam kuburan mereka? Baginda s.a.w. bersabda: Benar dia, sesungguhnya mereka disiksa dengan siksaan yang boleh didengar oleh semua binatang. Aisyah r.a. berkata: Setelah peristiwa itu aku tidak pernah melihat baginda s.a.w. solat melainkan baginda s.a.w. memohon perlindungan daripada siksaan kubur. (HR Bukhari dan Muslim)

### **GHAIB HAKIKI DAN GHAIB IDHAFI**

Pada asalnya hanya Allah S.W.T yang mengetahui akan perkara ghaib. Ini sebagaimana firman Allah yang bermaksud: Katakanlah: "Tidak seorangpun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah", mereka tidak mengetahui bila mereka akan dibangkitkan. (Al-Naml: 65). Namun demikian menurut pandangan ASWJ bahawa Allah S.W.T. juga berkuasa untuk memberitahu Rasul-Nya beberapa perkara ghaib. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud: "(Dia adalah Tuhan) Yang Mengetahui yang ghaib, maka Dia tidak memperlihatkan kepada seseorang tentang yang yang ghaib itu. Kecuali kepada Rasul yang diredhai-Nya ... (Al-Jinn: 26 - 27).

Atas dasar itulah kita yang menganut fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah membahagi perkara ghaib kepada dua jenis, iaitu: Ghaib Hakiki, iaitu perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah. Tidak seorangpun dari kalangan makhluk-

Nya yang mengetahui jenis ghaib ini walaupun Malaikat ataupun para Rasul. Contohnya: Bilakah kiamat akan terjadi. Ghaib Idhafi, iaitu beberapa perkara ghaib yang dapat diketahui oleh para Rasul kerana mereka diberitahu oleh Allah melalui wahyu. Contohnya: Nabi s.a.w. dapat menyatakan beberapa tanda-tanda kiamat akan terjadi seperti: matahari akan terbit dari sebelah barat, penggembala miskin akan memiliki bangunan tinggi dan lain-lain.

Adanya ghaib idhafi ini diperkuatkan oleh firman Allah, antaranya: "Dan Dia Muhammad) bukanlah seorang yang bakhil untuk menerangkan yang ghaib". (Al-Takwir: 24). Oleh itu, adalah keliru kalau ada orang yang mendakwa kononnya Rasulullah s.a.w. tidak ada otoriti untuk menyatakan perkara-perkara ghaib kerana baginda s.a.w. mempunyai keistimewaan yang tidak dimiliki oleh manusia biasa walaupun bergelar bomoh atau dukun. Baginda s.a.w. mendapat wahyu dan ucapan baginda s.a.w adalah wahyu, bukan berdasarkan hawa nafsu. Allah S.W.T. menjelaskan di dalam Al-Quran: "Katakanlah : " Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang manusia seperti kamu yang diwahyukan kepadaku ..... ". (Al-Kahf: 110). "Dan tiadalah yang diucapkannya itu menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya (Al-Najm: 3-4)

### **AL-QURAN DAN AL-HADITH**

Sungguh banyak ayat Al-Quran yang menyuruh kita orang-orang yang beriman agar mematuhi Allah dan Rasul-Nya. Malahan jika terjadi percanggahan pendapat di antara sesama kita tentang sesuatu perkata kita disuruh agar mengembalikan perkara tersebut kepada Allah dan Rasul-Nya iaitu kepada Al-Quran dan Al-Hadith. Ini berdasarkan firman Allah: "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul(Nya) dan Ulil Amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikan ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya (Al-Nisaa': 59)

Rasulullah s.a.w. bukan hanya bertugas sebagai "postman" atau penyampai sahaja terhadap risalah Allah kepada umatnya sebagaimana dakwaan golongan ingkar sunnah atau anti hadith, tetapi baginda s.a.w. juga pada masa yang sama bertugas sebagai juru penerangan dan pemberi penjelasan terhadap keumuman atau apa yang tersirat di dalam Al-Quran. Tugas ini diperjelaskan sendiri oleh Allah S.W.T. di dalam firman-Nya: "Dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan". (Al-Nahl: 44)

Atas sebab itu, walaupun Al-Quran tidak menyatakan secara jelas tentang azab dan nikmat kubur, namun penjelasan Rasulullah s.a.w. tentangnya secara terperinci wajib kita imani dan yakini. Apalagi hadis-hadis yang menerangkan tentang azab dan nikmat kubur sebagaimana yang dipaparkan di atas adalah hadis-hadis yang sahih belaka dan kuat derjatnya.

### **SEBAB-SEBAB AZAB KUBUR**

Al-'Allamah Al-Safaarainiy berkata: Sebab-sebab penghuni kuburan disiksa terbagi kepada dua bahagian, iaitu:

- (1) Global (mujmal): Mereka disiksa di dalam kuburan kerana kejahilan mereka terhadap Allah dan enggan mematuhi suruhan Allah serta melakukan maksiat. Azab kubur dan azab akhirat adalah akibat daripada murka Allah kepada hamba-Nya. Siapa yang dimurkai Allah di dunia ini kerana durhaka kepada-Nya dan tidak segera taubat kepada-

Nya lalu mati dalam keadaan demikian maka untuknya azab kubur setimpal dengan kemurkaan Allah kepadanya.

- (2) Terperinci (mufassal); Rasulullah s.a.w. pernah dipelihatkan atau diperdengarkan azab kubur ketika baginda s.a.w. melalui dua kuburan yang satu disiksa kerana suka mengadu domba (namimah) sedangkan yang satu lagi kerana tidak istinja setelah kecil. (HR Bukhari dan Muslim). Rasulullah s.a.w. bermimpi (semua mimpi para rasul adalah wahyu) diperlihatkan oleh Allah kepadanya sebab-sebab manusia disiksa di dalam kubur: orang yang solat tanpa bersuci (taharah), orang yang melalui seseorang yang sedang dizalimi lalu enggan menolongnya orang yang membaca Al-Quran lalu tidur pada malamnya kemudian tidak mengamalkan apa yang dibacanya itu pada waktu siang, orang yang berzina, orang yang makan riba, orang yang malas solat Subuh, orang yang enggan mengeluarkan zakat, orang yang gemar menyibar fitnah di dalam masyarakat, orang yang takabbur (sombong), orang yang riyak, orang suka mencaci orang lain apakah melalui ucapannya atau tindakannya. (HR Bukhari)

#### **KITAB RUJUKAN**

1. Aqidah Al-Wasitiyyah; Ibn Taimiyah
2. Al-Roh; Ibn Qayyim
3. Al-Irsyad Ilaa Sahih Al-I'tiqad; Dr. Saleh Bin Fauzan Al-Fauzan
4. Al-Hayat Al-Barzakhyyah; Muhammad Al-Zahir Khalifah
5. Tafsi Al-Quran Al-'Azim; Ibn Kathir
6. Ahkaam Al-Janaaiz: Nasiruddin Al-Baanay
7. Lum'at Al-I'tiqad Al-Haadi Ilaa Sabil Al-Rasyad; Ibn Qudamah Al-Muqaddasiy; Syarh: Syeikh Muhammad Bin Saleh Al-Uthaimin.